

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Isnin, 28 Julai 2025



## KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### LAPORAN STATISTIK UPAH PEKERJA (SEKTOR FORMAL) SUKU TAHUN PERTAMA 2025

#### Median upah bulanan sektor formal meningkat kepada RM3,000 pada Mac 2025

**PUTRAJAYA, 28 Julai 2025** – Median upah bulanan adalah RM3,000 bagi 6.8 juta orang pekerja sektor formal pada Mac 2025, seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam **LAPORAN STATISTIK UPAH PEKERJA (SEKTOR FORMAL) SUKU TAHUN PERTAMA 2025**. Angka ini adalah 5.5 peratus lebih tinggi daripada RM2,844 yang dicatatkan tahun sebelumnya, seiring dengan peningkatan guna tenaga yang berterusan, dengan jumlah guna tenaga formal masing-masing meningkat sebanyak 3.1 peratus, 3.4 peratus dan 3.6 peratus pada bulan Januari, Februari dan Mac.

Mengulas mengenai penemuan statistik yang diperoleh daripada data pentadbiran, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, menyatakan bahawa peningkatan median upah bulanan menandakan landskap pasaran buruh yang lebih menggalakkan, disokong oleh dasar terkini seperti semakan ke atas kadar gaji minimum yang telah dilaksanakan, serta pertumbuhan ekonomi yang berterusan pada suku tahun pertama 2025.

Dari segi pekerja formal mengikut jantina, bilangan pekerja formal lelaki Malaysia mencapai 3.7 juta orang pada Mac 2025, menyumbang 55.1 peratus daripada jumlah guna tenaga formal dengan median upah bulanan RM3,000. Sebagai perbandingan, pekerja formal perempuan terdiri daripada 44.9 peratus atau 3.04 juta orang, memperoleh median upah bulanan sebanyak RM2,982. Berbanding Mac tahun lepas, median upah bulanan pekerja formal lelaki dan perempuan masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak 3.4 peratus dan 6.5 peratus.

Semua kumpulan umur mencatatkan kenaikan upah dengan peningkatan paling ketara dalam kalangan pekerja di bawah umur 20 tahun, median upah bulanan meningkat sebanyak 13.3 peratus kepada RM1,700 pada Mac 2025. Peningkatan ini disokong dengan ketara oleh pelaksanaan dasar gaji minimum yang disemak semula pada awal Februari. Bilangan pekerja formal juga meningkat merentasi semua kumpulan umur, kecuali kumpulan umur 20-24 tahun.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin seterusnya menyatakan bahawa sektor Perlombongan & pengkuarian mengekalkan median upah bulanan tertinggi pada RM8,800 pada Mac 2025, walaupun meliputi hanya 0.6 peratus daripada jumlah guna tenaga formal, menunjukkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 4.8 peratus. Sebaliknya, sektor Pertanian yang menyumbang 1.9 peratus daripada pekerja formal mencatatkan median upah bulanan terendah iaitu RM2,200.

Dari segi geografi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendahului kedudukan median upah bulanan pada RM4,445, diikuti oleh Selangor pada RM3,300. Sementara itu, Sabah (RM2,000), Kelantan (RM1,800) dan Perlis (RM1,800) mencatatkan median upah bulanan terendah.

Melihat kepada taburan upah, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa 27.4 peratus pekerja formal warganegara menerima upah bulanan di bawah RM2,000 pada Mac 2025, menunjukkan penurunan sebanyak 3.8 mata peratus daripada 31.2 peratus yang direkodkan pada Mac 2024. Selain itu, analisis persentil menunjukkan pekerja formal warganegara pada persentil ke-10 menerima upah bulanan sebanyak RM1,700 atau kurang. Walau bagaimanapun, kumpulan ini mencatatkan peningkatan upah bulanan sebanyak 13.3 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya (Mac 2024: RM1,500). Sementara itu, pekerja dalam persentil ke-90 memperoleh sekurang-kurangnya RM11,000 sebulan, menunjukkan peningkatan 4.8 peratus daripada Mac 2024. Nisbah upah antara pekerja dalam persentil ke-90 dan persentil ke-10 menggambarkan bahawa kumpulan 10 peratus penerima upah tertinggi menerima enam kali ganda upah daripada kumpulan 10 peratus terendah.

Mengakhiri kenyataannya pada keluaran hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Statistik ini adalah berasaskan sumber data pentadbiran daripada agensi yang berkaitan, memberi tumpuan kepada warganegara yang bekerja di sektor formal, khususnya di sektor swasta. Perantaraan hadapan, DOSM akan terus memperkukuh penyebaran statistik upah pekerja dengan mengintegrasikan pelbagai data pentadbiran untuk pengeluaran statistik yang lebih terperinci bagi pemahaman yang lebih mendalam tentang pasaran buruh negara."

Data siri masa dan maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi dari portal Hab Data Pasaran Buruh (MyLabourHub). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mylabourhub.dosm.gov.my> atau imbas kod QR di bawah.



Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**  
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**28 JULAI 2025**


## Paparan 1: Median Upah Bulanan, Januari 2024 – Mac 2025




## Paparan 2: Median Upah Bulanan mengikut Jantina, Januari 2025 – Mac 2025




## Paparan 3: Median Upah Bulanan mengikut Kumpulan Umur, Januari 2025 – Mac 2025




## Paparan 4: Median Upah Bulanan mengikut Aktiviti Ekonomi, Januari 2025 – Mac 2025



## Paparan 5: Median Upah Bulanan mengikut Negeri, Januari 2025 – Mac 2025



## Paparan 6: Taburan Pekerja Formal mengikut Skala Upah, Mac 2025



**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, July 28<sup>th</sup>, 2025**



## **MEDIA STATEMENT**

MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

### **EMPLOYEE WAGES STATISTICS (FORMAL SECTOR) REPORT FIRST QUARTER 2025**

---

#### ***Median monthly wages in the formal sector rises to RM3,000 in March 2025***

**PUTRAJAYA, 28 July 2025** – The median monthly wage of the 6.8 million formal sector workers were RM3,000 in March 2025, as reported by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) in its **FIRST QUARTER 2025 EMPLOYEE WAGES STATISTICS (FORMAL SECTOR) REPORT**. This figure was 5.5 per cent higher than the RM2,844 recorded a year earlier coincides with the steady employment gains, with formal employment numbers increasing by 3.1 per cent, 3.4 per cent and 3.6 per cent in January, February and March respectively.

Elaborating on the findings derived from administrative data, Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, stated that the increase in median monthly wage reflects a more favourable labour market landscape, supported by recent policy measures such as the upward revision of the minimum wage and the continued momentum of economic growth in the first quarter of 2025.

In terms of formal employees by sex, the number of Malaysian male employees in the formal sector stood at 3.7 million persons in March 2025, accounting for 55.1 per cent of total formal employment, with a median monthly wage of RM3,000. In comparison, female formal employees comprised 44.9 per cent or 3.04 million persons, earning a median monthly wage of RM2,982. As compared to March last year, the median monthly wage for male and female formal employees increased by 3.4 per cent and 6.5 per cent, respectively.

*All age groups experienced wage increases, with the most substantial rise among employees below 20 years old, whose median wage surged by 13.3 per cent to RM1,700 in March 2025. This surge was significantly supported by the implementation of the revised minimum wage policy earlier in February. The number of formal employees also grew across all age groups, except the 20-24 age group.*

*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin further highlighted that the Mining & quarrying sector retained the highest median monthly wage at RM8,800 in March 2025, despite comprising only 0.6 per cent of total formal employment, marking a year-on-year rise of 4.8 per cent. On the other hand, the Agriculture sector, accounting for 1.9 per cent of formal employees, recorded the lowest median monthly wage of RM2,200.*

*Geographically, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur topped median wage rankings at RM4,445, followed by Selangor at RM3,300. Meanwhile, Sabah (RM2,000), Kelantan (RM1,800), and Perlis (RM1,800) recorded the lowest medians nationwide.*

*In terms of wages distribution, the Chief Statistician Malaysia stated that 27.4 per cent of Malaysian's formal employees earned monthly wage below RM2,000 in March 2025, marking a decrease of 3.8 percentage points from the 31.2 per cent recorded in March 2024. Additionally, the percentile analysis shows that the 10<sup>th</sup> percentile of Malaysian formal employees earned monthly wage of RM1,700 or less. However, this group registered an increase of 13.3 per cent in monthly wage as compared to the same month in the previous year (March 2024: RM1,500). Meanwhile, employees in the 90<sup>th</sup> percentile earned at least RM11,000 per month, reflecting a 4.8 per cent increase from March 2024. The wage ratio between the 90<sup>th</sup> and 10<sup>th</sup> percentiles indicates that the top 10 per cent of wage earners received six times the earnings of the lowest 10 per cent.*

*Concluding his statement on today's release, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, "These statistics are based on administrative data sources obtained from relevant agencies, which focus on the citizens employed in the formal sector, notably in the private sector. Looking ahead, DOSM will continue to enhance the dissemination of employee wages statistics by integrating various administrative data to produce more comprehensive statistics for an extensive understanding of Malaysia's labour market."*

*Time series statistics and more information on the labour market can be obtained from the My Labour Hub (MyLabourHub) portal. For more information, please visit <https://mylabourhub.dosm.gov.my> or scan the QR code below.*



*ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.*

*Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.*

*The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.*


*OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*Released by:*


**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
28 JULY 2025**




**Exhibit 1: Median Monthly Wage, January 2024 – March 2025**




**Exhibit 2: Median Monthly Wage by Sex, January - March 2025**




**Exhibit 3: Median Monthly Wage by Age Group, January - March 2025**



**Exhibit 4: Median Monthly Wage by Economic Activity, January - March 2025**



**Exhibit 5: Median Monthly Wage by State, January - March 2025**



**Exhibit 6: Distribution of Formal Employees by Wage Scale, March 2025**

